

# **Kertas Bil. 26/2015**



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT  
KETIGA PENGGAL KEDUA  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
YANG KETIGA BELAS  
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN  
1 - 5 DISEMBER 2014**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERKENAAN PINDAAN RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS  
PERBANDARAN SUBANG JAYA 2020 (RTMPSJ 2020)  
KERTAS BILANGAN 44/2014**

---



Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
9.	<b>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT)</b>	<p>1. Jawatankuasa merasakan bahawa Draf RTMPSJ 2020 P1 yang diterbitkan oleh pihak MPSJ merupakan satu inisiatif yang perlu diberi pujian kerana telah menyenaraikan setiap cadangan pindaan mengikut zon secara terperinci di mana penduduk setempat dapat memberikan pandangan mereka terhadap mana-mana cadangan perubahan zon guna tanah di kawasan mereka. Namun demikian, cadangan kepada pindaan lot pejabat pos, tanah milik Sime Darby, lebuhraya KIDEX dan SKIP tidak disenaraikan di dalam Draf RTMPSJ 2020 P1 tersebut dan tidak melalui proses bantahan awam. Cadangan kepada pindaan-pindaan tersebut tidak seharusnya dijadikan sebahagian daripada RTMPSJ 2020 P1 tetapi sebaliknya perlu melalui proses bantahan awam sepenuhnya sebelum dipertimbangkan untuk dijadikan sebahagian daripada RTMPSJ 2020 P1.</p>	Draf RTMPSJ merupakan satu inisiatif yang perlu diberi pujian kerana ia merupakan bantahan awam yang telah diterima sepanjang tempoh publisiti Draf RTMPSJ (P1) 2020 tersebut. Manakala, bagi lebuhraya KIDEX dan SKIP kedua-duanya telah dimasukkan ke dalam Pelan Guna Tanah yang dipamerkan sepanjang program publisiti (Di dalam Pelan Guna Tanah Keseluruhan Draf RTMPSJ (P1) 2020 dan Pelan Guna Tanah Blok Perancangan). Pada masa itu, tiada lagi jajaran yang tepat bagi kedua-dua lebuhraya tersebut, tetapi MPSJ telah mengambil inisiatif untuk memasukkan jajaran tersebut bagi tujuan pemberitahuan kepada penduduk.	Cadangan kepada pindaan lot pejabat pos, dan tanah milik Sime Darby tidak melalui program publisiti dan penyertaan awam kerana ia merupakan bantahan awam yang telah diterima sepanjang tempoh publisiti Draf RTMPSJ (P1) 2020 tersebut. Manakala, bagi lebuhraya KIDEX dan SKIP kedua-duanya telah dimasukkan ke dalam Pelan Guna Tanah yang dipamerkan sepanjang program publisiti (Di dalam Pelan Guna Tanah Keseluruhan Draf RTMPSJ (P1) 2020 dan Pelan Guna Tanah Blok Perancangan). Pada masa itu, tiada lagi jajaran yang tepat bagi kedua-dua lebuhraya tersebut, tetapi MPSJ telah mengambil inisiatif untuk memasukkan jajaran tersebut bagi tujuan pemberitahuan kepada penduduk.	Mengikut seksyen 15(1) (a) Akta 172 pihak Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) boleh meluluskan sebarang permohonan yang dibuat berdasarkan laporan-laporan bantahan awam yang diterima oleh pihak PBT untuk disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Akta 172 juga tidak memperuntukkan bahawa sebarang perubahan yang diluluskan atau ditolak perlu dimaklumkan kepada penduduk setempat. Pemberitahuan hanya akan dibuat selepas Rancangan Tersebut diwartakan.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan	
			Setuju	Tidak Setuju
2.		<p>2. Jawatankuasa menghormati hak pemilik-pemilik tanah untuk membuat cadangan bagi meminda zon guna tanah mereka yang sedia ada. Namun demikian, Jawatankuasa merasakan pihak PBT khususnya MPSJ perlu memberikan satu tempoh masa tertentu kepada pemilik-pemilik tanah untuk mengemukakan cadangan-cadangan pindaan mereka. Ini dapat memberikan ruang kepada kedua-dua pihak, pemilik tanah dan juga penduduk setempat untuk menyuarakan pendapat mereka kerana setiap cadangan pindaan boleh dikumpulkan dan disenaraikan untuk dipamerkan kepada awam.</p>	<p>Pihak Majlis mengambil maklum cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak Jawatankuasa. Justeru itu, bagi pindaan ke atas RTMPSJ (P1) 2020 yang sedang dijalankan pada masa kini pihak MPSJ telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Publisiti Awalan selama 4 minggu yang telah diilangkan di dalam 2 jenis akhbar (Berita Harian dan The Star) serta laman web MPSJ bagi pemunya tanah dan juga penduduk setempat mengemukakan cadangan-cadangan pindaan mereka.</p>	

Hasil daripada inisiatif tersebut, pihak Majlis telah menerima sebanyak 44 permohonan untuk menukar zon guna tanah serta klasifikasi aktiviti kegunaan tanah serta 13 cadangan pindaan tapak Majlis. Kesemua permohonan dan cadangan ini telah dipamerkan semasa Program Publisiti dan Penyerahan Draf Rancangan Tempatan MPSJ (Pengubahan 2) 2020 (DRTMPSJ (P2) 2020) yang telah dijalankan selama 4 minggu.

Bil	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKN (jika ada) / Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan yang telah dilaksanakan	
		Setuju	Tidak Setuju		
				Untuk makluman pihak Jawatankuasa juga, MPSJ telah melanjutkan tempoh Program Publisiti dan Penyertaan Awam selama 4 minggu lagi bagi memberi lebih ruang kepada kedua-dua pihak (pemunya tanah dan juga penduduk setempat) untuk menyuarakan pendapat mereka terhadap cadangan-cadangan pindaan yang dipamerkan.	

